

17/07/1999

Fitnah Internet mesti segera ditangani

Zain Ahmad

SAYA menyokong tulisan Pencinta Tanah Air dalam ruangan ini pada 12 Julai lalu.

Penyalahgunaan Internet banyak menimbulkan kekecohan dan kegemparan. Sebagai contoh pada 7 Ogos 1998, berita palsu disiarkan dalam Internet mengatakan pergaduhan kaum membabitkan warga Indonesia berlaku di Jalan Chow Kit, Kuala Lumpur.

Berikutan itu, warga kota di Kuala Lumpur menjadi panik. Kedai, pusat perniagaan ada yang ditutup, pasar raya diserbu warga kota untuk mendapatkan bekalan makanan, teksi enggan mengambil penumpang, pelancong tidak berani keluar dari hotel malah ada yang mahu menempah tiket untuk meninggalkan Malaysia.

Saya dan keluarga yang kebetulan berada di Kuala Lumpur pada petang itu turut cemas dan mengambil keputusan untuk balik ke Ipoh. Hasil siasatan polis mereka yang bertanggungjawab didakwa di mahkamah.

Ketika negara sedang digemparkan dengan berita pelucutan jawatan Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai Timbalan Perdana Menteri pada awal September 1998, fitnah disebar melalui Internet mengatakan Menteri Pendidikan, Datuk Seri Mohd Najib Tun Razak; Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Tan Sri Norian Mai, meletakkan jawatan masing-masing.

Sehingga hari ini mereka kekal dengan jawatan masing-masing malah Norian dinaikkan pangkat sebagai Ketua Polis Negara.

Ketika Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menunaikan haji di Makkah penghujung Mac lalu, Internet juga menyebarkan fitnah mengatakan beliau sedang sakit tenat di sebuah hospital yang dirahsiakan di tanah suci itu. Perdana Menteri dikatakan tidak dapat mengerjakan rukun haji. Satu lagi kepalsuan penyebaran maklumat.

Negara juga digemparkan dengan penyebaran fitnah bahawa Dr Mahathir meninggalkan dunia pada awal April lalu.

Penyebaran berita itu disiarkan tidak kurang enam kali melalui Internet sedangkan realitinya beliau masih hidup, sihat, bertenaga dan berupaya menjalankan tugas.

Menyedari bahawa Internet adalah saluran penyampaian maklumat yang terdedah kepada penyalahgunaan dan menarik perhatian kumpulan remaja, usaha yang berkesan secara perundangan dan pendidikan mungkin perlu segera difikirkan.